

Headline	Khidmat LHDN terganggu sehingga 20 November		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 886
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,658



Khidmat LHDN terganggu sehingga 20 November

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Pusat data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan tergendala sementara mulai esok sehingga 20 November ini berikutan kerja-kerja menaik taraf sempena perpindahan ibu pejabatnya ke Wisma Hasil di Cyberjaya.

Lembaga itu dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, pembayar cukai dan pelanggan yang berurusan dalam tempoh tersebut akan menghadapi gangguan terutama dalam penggunaan Sistem Aplikasi Berkomputer.

"Gangguan itu termasuk perkhidmatan elektronik seperti e-Filing, e-Bayaran, e-Lejar, Sistem Aduan Pelanggan dan laman sesawang.

"Selain itu, kaunter bayaran dan kaunter-kaunter setempat di semua cawangan di seluruh negara turut akan terganggu berikutan kerja menaiktaraf tersebut," katanya.

Dalam tempoh tersebut katanya, perkhidmatan yang disediakan adalah terhadap dan resit bayaran akan dikeluarkan secara manual kepada pembayar yang membuat transaksi bayaran cukai pendapatan.

"Gangguan ini hanya bersifat sementara dan dijangka pulih mengikut jadual yang telah ditetapkan," katanya.